EVOLUSI DEKAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu

BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

ڤرڤوستاکاءن چندکياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

MEI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

PROGRAM JELAJAH ILMU

MEMBACA MEMBENTUK ADIWANGSA SIRI 3

6 Mei 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari

Puan Ayuzawahie Amran menyampaikan penerangan ringkas kepada peserta bagi proses pendaftaran.

Puan Norsyida Yusof Ali memberikan taklimat ringkas kepada peserta sebelum menyertai Quiz@ Archieve.

DUNGUN, 6 Mei – Seramai 186 orang pelajar Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah berkumpul di Perkarangan Kiosk HEA hari ini bagi menjayakan Program Jelajah Ilmu: Membaca Membentuk Adiwangsa Siri 3. Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini dianjurkan khusus untuk menyemarakkan budaya membaca serta meningkatkan literasi maklumat dalam kalangan mahasiswa.

Inisiatif murni yang dibawakan oleh Perpustakaan Cendekaiwan ini membawakan tema Membaca Membentuk Adiwangsa. Melalui penganjuran siri ketiga ini, pihak perpustakaan komited dalam memainkan peranannya sebagai nadi penggerak yang menyokong penuh pembangunan akademik dan kelestarian ilmu di peringkat universiti.

Penganjuran program ini bukan sekadar aktiviti bermusim, malah ia merupakan satu usaha serampang dua mata untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. Dengan menyuntik minat membaca yang mendalam, program ini diharap mampu membentuk graduan yang bukan sahaja bijak berfikir, malah mempunyai integriti yang tinggi serta mampu berdaya saing di peringkat global.

Puan Shahidatul Akham Rambeli (kanan) bersama Cik Asmahani Abudullah (kiri) mepyampaikan hadiah kepada pemenang bagi Teka Berat Buku.

SCAN ME

BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI